

Tips Menjawab Soalan Kertas 2

1. Tujuan penyiasatan

Untuk menyiasat hubungan antara PM dan PB

2. Corak/ Pola perubahan

Bertambah/meningkat/menaik

Berkurang/menurun

Tidak berubah/tiada perubahan/malar

3. Pembolehubah/maklumat dari penyiasatan

i. pembolehubah dimanipulasikan (PM)- berbeza

ii. pembolehubah bergerakbalas (PB)- diperhatikan

iii. pembolehubah dimalarkan (PT/PS) - ditetapkan/sama

4. Kesimpulan/ Hipotesis

i. Semakin (corak PM) [PM], Semakin (corak PB) [PB]

ii. Jika [PM](corak PM), maka [PB] (corak PB)

5. Pemerhatian

-buat ayat berdasarkan PB

-jika ada dua atau lebih sampel/objek perlu ada perbandingan

6. Inferens

-memberikan sebab yang munasabah berdasarkan pemerhatian

Latihan (Soalan Jadual)

1. Jadual di bawah menunjukkan bilangan tempokan hitam pada sekeping roti dalam satu penyiasatan.

Hari	1	3	5	7
Bilangan tempokan hitam	2	5	8	11

- a) Apa tujuan penyiasatan?

- b) Apa corak perubahan bilangan tempokan hitam?

- c) Kenalpasti pembolehubah di bawah

i. pembolehubah dimanipulasi : _____

ii. pembolehubah bergerakbalas : _____

iii. pembolehubah dimalarkan : _____

- d) Apa kesimpulan penyiasatan ?

- e) Nyatakan satu pemerhatian.

- f) Berikan inferens untuk menyokong jawapan di (e).
